



“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

SURAT SETUJU TERIMA

Ruj.Kami : MPSJ.JPAS.600-2/32/83
Tarikh : 19 September 2019

Pengurus
SPRECO RECYCLE SDN. BHD.
LOT 362-B, JALAN MATANG PAGAR,
47000 SUNGAI BULOH,
SELANGOR DARUL EHSAN

Tuan,

No. Fail : **MPSJ.JPAS.600-2/32/83**

PELANTIKAN SEBAGAI KONTRAKTOR PANEL PENGURUSAN SISA PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI SESI 2019-2021

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan surat kelulusan daripada **Mesyuarat Lembaga Tender Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 9/2019** bertarikh 29 Ogos 2019.

Dimaklumkan bahawa Majlis telah **bersetuju** melantik syarikat tuan sebagai Panel Pengurusan Sisa Perindustrian Dan Perdagangan MPSJ.

2. Berdasarkan kepada Tempoh Tamat Perkhidmatan yang ditetapkan selama **Dua (2) tahun**. Tarikh mula lantikan ialah pada **29 Ogos 2019** dan tarikh tamat untuk seluruh kerja-kerja di bawah kontrak ini ialah **31 Mei 2021**.
3. Sehubungan dengan itu, pihak tuan **tidak boleh mengsub-kontrakkan keseluruhan kerja** ataupun sebahagian tanpa kelulusan Pegawai Penguasa terlebih dahulu. Sekiranya Pegawai Penguasa meluluskan permohonan tuan untuk mengsub-kontrakkan sebahagian kerja atau keseluruhan kerja, kelulusan tersebut adalah tertakluk kepada kontraktor mengikat perjanjian penyerahan hak (Deed of Assignment) dengan subkontraktor terlebih dahulu.
4. Pihak tuan perlu menyerahkan kepada pihak Majlis seperti perkara-perkara berikut:
 - a) Pihak Majlis telah menetapkan syarat penghantaran laporan bulanan selewat-lewatnya sebelum atau pada **5hb. pada setiap bulan**.

1 daripada 3

Tandatangan & Cop (Majlis)



Tandatangan & Cop (Syarikat) :



- b) Salinan resit pelupusan dari tapak pelupusan yang diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi setiap pembuangan oleh syarikat.
- c) Salinan resit pelupusan barang kitar semula yang diiktiraf bagi setiap pembuangan oleh syarikat.

5. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Majlis berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- a) Maklumat yang dikemukakan adalah tidak sah dan benar.
- b) Sampah tidak dilupuskan di tempat pelupusan sampah yang disahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.
- c) Menggunakan lori yang mempunyai akaun Majlis di tapak pelupusan sampah (bagi kontraktor yang mempunyai ikatan kerja dengan MPSJ (pembersihan/kutipan).
- d) Tidak menghantar laporan bulanan rasmi perkhidmatan kutipan sisa industri kepada pihak Majlis.
- e) Tidak mematuhi arahan yang ditetapkan oleh MPSJ dari semasa ke semasa.

6. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam dua (2) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua beserta lampiran dan dokumen yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan pada **hari dan tarikh surat ini** diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan surat ini terbatal dan Majlis tidaklah dengan apa-apa jua bertanggung terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"

"MESRA, CEKAP & BERINTEGRITI"

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(MOHD. ZULKURNAIN BIN CHE ALI) A.M.N., A.M.S.

b.p: Yang Dipertua

2 daripada 3

Tandatangan & Cop (Majlis):



Tandatangan & Cop (Syarikat):

